



KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD (225943-T)

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia bagi mengisi kekosongan jawatan berikut.

KERANI (N09G10)

Kelayakan

Calon luar

- Calon hendaklah berumur tidak melebihi 28 tahun pada tarikh iklan ditutup;
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- Mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) serta lulus dalam Matematik serta Bahasa Inggeris
- Bermotivasi serta boleh bekerja bersendirian
- Boleh berkomunikasi dengan baik di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris;
- Sedia bertukar dan berkhidmat di mana-mana lokasi

Calon dalaman

- Telah disahkan dalam jawatan
- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- Mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) serta lulus dalam Matematik serta Bahasa Inggeris ; **ATAU**
- Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dalam gred 11; **ATAU**
- Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dalam gred 12
- Sedia bertukar dan berkhidmat di mana-mana lokasi
- Diperakui oleh Ketua Jabatan

Spesifikasi Tugas

- Menjalankan kerja-kerja perkeranian samada di pejabat atau kaunter tiket
- Membantu tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan yang ditetapkan menurut prosidur pejabat seperti manaip/memproses data, pengendalian mesin/peralatan pejabat (komputer, mesin photostat, faks dan telefon), pemfailan dokumen dan khidmat pelanggan
- Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarah oleh pegawai penjaga dari masa ke semasa.

Cara Memohon

Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis dengan menyatakan pengalaman, butir-butir peribadi berserta dengan salinan sijil-sijil persekolahan, sekeping gambar terkini berukuran passport dan sampul surat beralamat sendiri (ukuran 4" x 9") yang berselem. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar tidak lewat daripada **24 July 2019** ke alamat seperti berikut:-

**Pengurus Besar
Jabatan Modal Insan
(Unit Perancangan Kakitangan)
Ibu Pejabat Korporat KTM Berhad
Jalan Sultan Hishamuddin
50621 Kuala Lumpur
Tel: 03-22631312, 03-22631433**